

EDITORIAL BOARD

ESTEEM ACADEMIC JOURNAL

VOLUME 9, NUMBER 2, DECEMBER 2013

Universiti Teknologi MARA (Pulau Pinang)

SOCIAL SCIENCES & TECHNOLOGY

ADVISORS

Tan Sri Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Bin Abu Bakar, FASc

Assoc. Prof. Mohd. Zaki Abdullah

PANEL OF REVIEWERS

Assoc. Prof. Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil (*Universiti Teknologi MARA Malaysia*)

Assoc. Prof. Dr. Nor'ain Binti Hj. Othman (*Universiti Teknologi MARA Malaysia*)

Assoc. Prof. Dr. Noraisah Harun (*Universiti Teknologi MARA Puncak Perdana*)

Assoc. Prof. Dr. Song Saw Imm (*Universiti Teknologi MARA (Pulau Pinang)*)

Assoc. Prof. Dr. Zaini bin Nasohah (*Universiti Kebangsaan Malaysia*)

Dr. Halipah Hamzah (*Universiti Teknologi MARA (Pulau Pinang)*)

Dr. Mohd Roslan Mohd Nor (*University of Malaya*)

Dr. Noorizah Datuk Mohd Noor (*Universiti Kebangsaan Malaysia*)

Dr. Norliza Binti Aminudin (*Universiti Teknologi MARA Malaysia*)

Dr. Nurul Farhana Low Abdullah (*Universiti Sains Malaysia*)

Dr. Suhaili Binti Abu Bakar @ Jamaludin (*Universiti Putra Malaysia*)

Dr. Yeoh Seng Guan (*Monash University, Kuala Lumpur*)

CHIEF EDITOR

Liaw Shun Chone

MANAGING EDITOR

Dr. Ong Jiunn Chit

LANGUAGE EDITORS

Noor Azli bin Affendy Lee

Rasaya A/L Marimuthu

Rosmaliza Mohamed

Wan Noorli Razali

FOREWORD

Welcome again to the ninth edition of ESTEEM Academic Journal (Social Science and Technology issue). It also marks the second successive issue that Unit Penerbit, Universiti Teknologi MARA (Pulau Pinang) has published online journal in tandem with the marked growth of popularity among readers in electronic journals. Apart from that, it has made accessible the online journal in both PDF and EPUB files. It is hoped that these two formats will facilitate readers to view the content using different gadgets and options available to them. This will definitely advance the sharing of research materials and discussions between the authors and the wider fraternal scholars.

ESTEEM Academic Journal 9(2) has also received overwhelming support from many authors from within UiTM main campus as well as from branch campuses and also likewise from other local public institutions. The Editorial Board has its hands full trying its level best to process as many articles as possible for the intended publication. It is therefore befitting that thanks should be accorded to all the relevant parties for making this publication of academic journal yet another reality.

First and foremost, I would like to thank Associate Professor Mohd Zaki Abdullah, outgoing Rector of UiTM (Pulau Pinang), Associate Professor Ir. Hj. Bahardin Baharom, former Deputy Rector of Academic & International Affairs and Dr. Mohd Subri Tahir, Deputy Rector of Research, Industry, Community & Alumni Network for their selfless guidance and enduring support. Next, I would like to register my sincere thanks to the panel of reviewers, managing, language and formatting editors for toiling tirelessly through trying times in order to make this online journal more available to a wider academic community. Lastly, I would like to thank all the authors who have contributed their articles for consideration in ESTEEM Academic Journal and congratulate those who have had their articles published. I look forward to the continued firm support from all the concerned parties. To the readers and researchers alike, I once again hope that you will gain some insights and knowledge from reading these articles.

Liaw Shun Chone
Chief Editor
ESTEEM Academic Journal
Vol. 9, No. 2 (2013)
(Social Sciences & Technology)

CONTENTS OF JOURNAL

1. Contemporary Tafaqquh Programme Module in Mosques: A Review and Proposal 1
Alias Azhar and Rahimin Affandi Abd. Rahim
 
2. Pembentukan Konsep Destinasi Mesra Pelancong: Konsep Berorientasikan Pelancong sebagai Pengguna 16
Ahmad Nazrin Aris Anuar, Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh and Mohd Yusof Hussain
 
3. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Asas Jawi bagi Kanak-Kanak Prasekolah 28
Norizan Mat Diah and Nor Azan Mat Zin
 
4. Kajian Literatur: Dialog Agama Perkongsian Aktiviti dalam Kalangan Masyarakat Awam di Malaysia 39
Azarudin Bin Awang and Khadijah Mohd Khambali@Hambali
 
5. (Re)Branding the 'Other': An Analysis of Female Characters' Namings in Dina Zaman's Short Stories 54
Nazima Versay Kudus
 
6. Oral Microbes and Its Environment: A Review Article 67
Wan Nordini Hasnor Wan Ismail, Fathilah Abdul Razak and Zubaidah Haji Abdul Rahim
 
7. Tinjauan Bacaan: Penghasilan Protease Melalui Kaedah Fermentasi Mikrob 76
Nursyuhadah Othman, Darah Ibrahim and Wan Nordini Hasnor Wan Ismail
 

8. Insulin and Insulin-Like Growth Factor Signalling (IGF) Pathways and Cancer 87
Wan Iryani Wan Ismail, Mohd Nazri Abu, Muhammad Ashraf Mohd Salleh, Izmil Haikal Zainol and Rosmadi Mohd Yusoff
 
9. Pemikiran Dakwah Al-Faruqi: Kajian dari Sudut Metodologi dan Isi Kandungannya 96
Ahmad Sabri Osman, Mohd Farid Mohd Sharif and Raihaniah Zakaria
 

KAJIAN LITERATUR: DIALOG AGAMA PERKONGSIAN AKTIVITI DALAM KALANGAN MASYARAKAT AWAM DI MALAYSIA

Azarudin Bin Awang¹ and Khadijah Mohd Khambali@Hambali²

¹Academy Contemporary Islamic Study, UiTM Terengganu, Sura Hujung, 23000, Dungun, Terengganu, Malaysia.

^{1,2}Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

¹azaru154@tganu.uitm.edu.my ; ²ijamh@um.edu.my

ABSTRACT

Dialogue is a form of discourse or discussion to find a meeting point because of religious differences and faith. In the context of the relationship between religion and culture, dialogue aimed to reduce the inter religion conflict by promoting understanding and love between people of different religions. Thus, inter-faith dialogue is a discipline to learn, understand, and to share one's world view of the differences that exist in the life of various cultures and religions. Non-elite inter-faith dialogue is an approach to bridge the relationship between the different religions and cultures through grassroots involvement in the informal daily activities among the community. Particularly, many scholars focus on dialogue as a discipline for inter-religious harmony, especially between the Muslims and Christians. The local scholars discuss aspects of dialogue within the framework of Islam and other forms of dialogue that includes relationships that occur among public societies. The methodology used in this paper is a survey on the latest written materials by scholars who talked about dialogue of faith as the subject of the study. This survey is very important because it is the initial input to the subsequent study.

Keywords: dialogue; shared; activity; public.

ABSTRAK

Dialog merupakan satu bentuk perbincangan atau wacana secara ilmiah bagi mencari titik pertemuan kerana wujudnya perbezaan agama dan keyakinan. Dalam konteks hubungan antara agama dan budaya, dialog bertujuan mengikis konflik antara agama dengan memupuk kefahaman dan kasih sayang antara sesama manusia yang berbeza agama. Justeru, dialog agama ialah satu disiplin untuk mempelajari, memahami, berkongsi pandangan mengenai perbezaan yang wujud dalam kehidupan yang pelbagai budaya dan agama. Dialog agama dalam lingkungan masyarakat awam merupakan satu pendekatan untuk merapatkan hubungan antara masyarakat yang berbeza agama dan budaya dari akar umbi melalui penglibatan aktiviti seharian secara

tidak formal. Kebanyakan sarjana memberi tumpuan disiplin dialog sebagai wasilah keharmonian hubungan inter-agama khususnya antara Islam dan Kristian. Kalangan sarjana tempatan mengupas aspek dialog dalam kerangka Islam dan bentuk-bentuk dialog yang merangkumi hubungan yang berlaku dalam kalangan masyarakat awam. Metodologi yang digunakan dalam kertas kerja ini ialah kajian tinjauan terhadap penulisan yang lepas yang membicarakan tentang dialog agama sebagai subjek kajian. Kajian tinjauan ini sangat penting kerana ia merupakan input awal terhadap kajian yang berikutnya.

Kata kunci: dialog; perkongsian; aktiviti; awam.

1. PENDAHULUAN

Dialog terangkum dalam kajian Ilmu Perbandingan Agama yang mencakupi isu-isu tentang kajian perbandingan agama, falsafah kepercayaan dan agama-agama besar di dunia (Hambali & Karim, 2005). Ianya boleh menjadi satu mekanisme untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul mengikut kerangka yang digariskan oleh agama bagi merasai keharmonian hidup bersama. Apatah lagi, tradisi intelektual manusia masing-masing berbeza dengan proses pemahaman agama yang kadangkala mengundang banyak masalah dan konflik. Justeru itu, bagi mengelakkan polemik dan konflik ini berpanjangan kesan daripada perbezaan peradaban, kebudayaan dan kepelbagaian masyarakat, mahu tidak mahu manusia perlu menjalin hubungan baik antara satu sama lain secara berterusan. Dalam kata lain, setiap pengamal agama bertanggungjawab untuk membudayakan sikap keterbukaan, menerima perbezaan dan menghormati kemajmukan, disertai ketaatan dan komitmen terhadap agama masing-masing. Oleh itu, kajian terhadap praktikal sesebuah agama meliputi aspek-aspek persamaan dan perbezaan bukanlah bertujuan untuk menilai kepercayaan mana yang terbaik.

1.1 Dialog, Dialog Agama Dan Dialog Perkongsian Aktiviti

Asal usul perkataan dialog adalah daripada perkataan Inggeris iaitu “*dialogue*”. Di dalam *Times-Chambers Combined Dictionary Thesaurus* (1996) menyatakan bahawa perkataan “*dialogue*” diadaptasi daripada perkataan Greek yang dijelaskan sebagai “*a conversation, especially a formal one, the word spoken by the characters in a play, book. Dialogue as a discussion or exchange of ideas and opinions especially between two groups with a view to resolve conflict or achieving agreement.*”. Forward (2001) menjelaskan bahawa perkataan dialog berasal dari dua perkataan Greek iaitu *dia* yang bermaksud melalui (*through*) dan *logos* bermaksud perkataan yang memberi pengertian sebagai *discourse*. Pada peringkat awal, penggunaan perkataan ini dipelopori oleh dua orang tokoh falsafah Greek yang terkenal iaitu Plato (429-348 B.C) dan Socrates (470-399 BC). Plato menggunakan perkataan dialog bagi merujuk kepada komunikasi manakala Socrates menggunakan perkataan ini bagi merujuk kepada lakonan drama (*The Encyclopedia of Religion*, 1979) Selain dinyatakan sebagai satu bentuk perbualan, dalam *Kamus Dewan* (2010) dialog juga dijelaskan sebagai kata-kata yang dipertuturkan oleh watak-watak dalam drama dan fiksiyen serta karya sastera. Manakala dalam bahasa Arab pula, dialog dijelaskan sebagai *hiwar*. Ibnu Manzur (2003) menjelaskan dialog sebagai *al-raji'ie* yang bermaksud merujuk kembali. Selanjutnya pengarang *Lisan Al-Arab* ini memberi beberapa pengertian dialog iaitu perbualan, perbincangan, percakapan antara dua pihak atau lebih. Justeru secara literalnya, dialog merupakan satu bentuk pertuturan yang

berlaku yang melibatkan sekurang-kurangnya dua pihak untuk mencapai sesuatu matlamat. Dialog boleh berlaku dalam dua sifat iaitu dirancang, seperti melalui skrip lakonan drama dan secara spontan seperti perbualan, percakapan dan perbincangan biasa.

Selain dilihat sebagai satu bentuk komunikasi dua hala antara individu (pihak) yang mempunyai pegangan atau pandangan yang berbeza mengenai sesuatu subjek atau perkara yang tertentu, Baharuddin (2008) menyatakan bahawa dialog bertujuan untuk mencapai atau menambah kebenaran. Ini juga disokong oleh Swidler (2003) yang berpendapat “*Dialogue is two way communication between persons who hold significantly differing views on a subject, with the purpose of learning more truth about the subject from the other*”. Tyagananda (2011) mendapati bahawa dialog berlaku sekurang-kurangnya dalam tiga bentuk iaitu ‘perbualan’, ‘perkataan bertulis’ seperti surat dan e-mel; dan ‘maklum balas’ dalam penglibatan aktiviti bersama. Boleh dikatakan perbezaan budaya hidup dan pandangan membuka ruang kepada manusia mencari titik pertemuan melalui interaksi formal atau sebaliknya. Dialog merupakan respons terhadap sesuatu isu yang amat memerlukan persefahaman dalam melaksanakan hubungan. Pada hari ini, disiplin dialog lahir sebagai satu bentuk ilmu yang tersendiri yang disampaikan melalui pelbagai wahana selari dengan perkembangan masa dan persekitaran.

Seterusnya, apabila agama dijadikan subjek dalam dialog, Sulaiman (2005) menjelaskan bahawa hal ini merupakan perjumpaan antara penganut agama untuk mencapai kebenaran dan kerjasama dalam aktiviti yang melibatkan kepentingan bersama yang didasarkan kepada sikap hormat-menghormati dan keikhlasan. Dalam pada itu, Shahrin (2008) menyatakan bahawa dialog dapat menjelaskan kebenaran agama masing-masing dan ianya mampu mengelakkan salah faham dalam kalangan penganut agama lain. Menurut Abedin (2000), dialog merupakan satu proses yang melibatkan masyarakat dari pelbagai kepercayaan berkumpul menerima persamaan dan menghormati perbezaan sesama yang lain. Berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh Shaharom, Mohd Farid dan Syed Zainal, dapat dinyatakan bahawa dialog agama merupakan satu wahana golongan agamawan bersama-sama membincangkan isu-isu yang berkaitan kepentingan masyarakat yang berbeza kepercayaan agar mereka merasai kehidupan tanpa rasa prejudis dan jauh dari permusuhan. Sebarang bentuk polemik yang berlaku dalam kehidupan manusia dibincangkan bersama-sama mengikut kerangka agama masing-masing. Dalam kata lain, dialog antara agama bertindak balas terhadap sesuatu masalah yang berlaku kerana perbezaan kepercayaan. Justeru, Baharuddin (2005) menyatakan bahawa dialog yang lebih mendalam bukannya semata-mata satu bentuk perbincangan malah ia merupakan satu kaedah berfikir yang baru; satu cara untuk melihat alam dan kehidupan serta maknanya.

Menyentuh sedikit perkembangan dialog agama di dunia moden Barat, hal ini berkembang selari dengan perkembangan agama Kristian itu sendiri. Istilah yang sering diguna pakai yang merujuk kepada terminologi dialog antara agama ini ialah *Inter-religious Dialogue*, *Inter-faith Dialogue* dan *Inter-faith Conference*. Sehubungan itu, Hunt (2009) menggunakan istilah *Inter-religious Dialogue* dan *Inter-faith Dialogue* bagi merujuk kepada perbincangan yang menyentuh teologi, doktrin, amalan dan budaya antara agama yang berbeza. Catatan awal menyebut bahawa kemunculan dialog antara agama di Barat bermula melalui pertemuan para penganut yang berbeza pada tahun 1893 di Chicago, Amerika Syarikat. Masyarakat Barat yang beragama Kristian dan Yahudi merasakan agama-agama yang wujud di sebelah Timur begitu asing kepada mereka. Hasil daripada pertemuan ini, mereka bersetuju untuk menubuhkan *The World's Parliament of Religions* (Parlimen Agama Dunia). Pada peringkat

awal, pertemuan masyarakat yang berbilang agama ini cuba mencari jalan bagi mengurangkan jurang perbezaan antara penganut agama Timur dan Barat. Rentetan daripada itu juga didapati melalui beberapa siri pertemuan agamawan Kristian misalnya Konferen Misionari Dunia (*World Missionary Conference*) yang berlangsung di Edinburgh 1910 merumuskan agar Kristian perlu menerima pengamalan nilai spiritual dari agama dan kepercayaan yang lain di dunia ini (Pratt, 2010). Sejarah awal ini memperlihatkan bagaimana dialog agama dijadikan satu wahana bagi masyarakat beragama Kristian menghilangkan prasangka buruk penganut agama lain terhadap mereka. Natijahnya, dialog agama dijadikan satu instrumen bagi Kristian memulihkan imejnya dengan mendekati agama ini kepada masyarakat bukan Kristian. Pendek kata, dialog agama mengikut perspektif Kristian pada awalnya adalah bermatlamat untuk menghapuskan salah faham dan mendekati jurang pemisahan kerana perbezaan kepercayaan. Justeru, didapati dunia Kristian mula melonggarkan nilai agama daripada bersifat eksklusif kepada sikap lebih terbuka dalam kehidupan beragama.

Dalam konteks Islam, al-Quran mengetengahkan kaedah berdialog dengan prinsip *al-hikmah*, *mau'izah hasanah* dan *mujadalah*. Tujuan dialog dalam Islam adalah untuk mencapai kebaikan, mencegah keburukan dan menjadikannya sebagai amalan yang terbaik (Hassan, 2005). Bersangkutan dengan itu juga, elemen-elemen dialog antara agama sama ada bersifat formal atau sebaliknya telah dipraktikkan oleh Rasulullah (Wan Hassan, 2005). Konsep-konsep asas hubungan antara agama ini telah dibahas dengan baik oleh Ibnu Hazm (994-1064M) dalam kitabnya *al-Fasl*. Beliau menjelaskan fakta agama lain secara terperinci, tepat dan amanah serta diakhiri dengan huraian tentang agama Islam (agama yang dianuti). Selain daripada itu, Ibnu Hazm juga menghimpunkan pemikiran agama yang ada dalam agama lain dengan melakukan kritikan ilmiah terhadap agama tersebut (Berahim@Ibrahim, 2007). Justeru, boleh dikatakan bahawa Ibnu Hazm merupakan tokoh Islam yang merintis disiplin dialog antara agama dalam dunia Muslim secara sistematik. Dialog antara agama sebagaimana yang disarankan ini sememangnya tidak asing lagi bagi Islam kerana ia adalah salah satu medium penting generasi Islam terdahulu menyampaikan risalah Islam dengan penuh kebijaksanaan tanpa melibatkan sebarang bentuk paksaan dan kekerasan. Pendek kata, dialog antara agama merupakan satu medium dakwah Islam dan ianya perlu dilangsungkan dalam keadaan terbuka, terkawal dan wujud rasa hormat menghormati antara satu sama lain.

Selanjutnya, dialog agama dikembangkan kepada empat bentuk iaitu dialog sosial, dialog pengalaman iman, dialog ritual bersama dan dialog kehidupan (Sulaiman, 2005). Dialog kehidupan merupakan satu-satunya hubungan antara agama yang berlaku secara tidak formal. Samwini (2010) menyatakan bahawa dialog kehidupan memperlihatkan bagaimana masyarakat yang berbeza anutan kepercayaan berkongsi kegembiraan dan kesedihan. Ianya berlaku di pelbagai tempat sama ada di sekolah, pusat pengajian tinggi, pusat perniagaan, di padang permainan atau di pejabat. Menurut Sequeira (2007) dialog sebegini berlaku dalam lingkungan masyarakat awam seperti pemandu, guru dan pekerja kerajaan. Walaupun hidup dalam lingkungan agama yang berbeza, namun mereka boleh berkongsi perasaan suka dan duka melalui perkongsian aktiviti kehidupan seharian. Berdasarkan kenyataan di atas, dapat dijelaskan bahawa proses pembelajaran dan pemahaman agama lain boleh berlaku melalui perkongsian aktiviti rutin kehidupan seharian manusia. Dalam kata lain dialog kehidupan memaparkan satu perkongsian hidup secara spontan yang berlaku dalam lingkungan masyarakat awam.

Selain daripada itu, dialog perkongsian aktiviti ini tidak dibatasi oleh sebarang tempat, masa dan status seseorang individu. Ia bukan hanya memaparkan bentuk perbualan, malah merangkumi pengalaman turut serta dalam perkongsian aktiviti (Hensman, 1999). Walaupun bentuk dialog agama ini berlaku tanpa memerlukan sebarang tempat yang khusus, namun ia masih tertakluk kepada keikhlasan dan nilai saling percaya antara satu sama lain. Justeru, individu atau kelompok yang berbeza agama yang berkongsi pengalaman dalam aktiviti budaya masyarakat lain memperoleh makna terhadap tradisi beragama orang lain. Sebagai contoh, Angkatan Belia Islam Malaysia dengan kerjasama *Malaysia Young Movement* (Sebuah organisasi belia Cina) telah menganjurkan program '*Spiritual Camp 2009*'. Program ini adalah bertujuan untuk mendedahkan budaya dan agama masing-masing. Golongan belia Islam mendapat pendedahan tentang senaman *Tai Chi* yang merupakan ritual yang sering kali ditonjolkan dalam peribadatan agama Buddha. Manakala golongan belia Cina yang beragama Buddha didedahkan tentang pelaksanaan amalan solat secara individu dan berjemaah oleh belia-belia Islam (Muhammad Nur Manuty, 1997). Dapat dinyatakan bahawa melalui perkongsian aktiviti, setiap peserta akan memahami, mempelajari dan seterusnya menghargai cara hidup yang pelbagai dengan menerapkan nilai-nilai yang baik dalam kehidupan masing-masing. Aktiviti sebegini juga bermatlamat untuk mempelajari, berkongsi atau mengubah pandangan seseorang tentang perbezaan yang wujud dalam kehidupan yang pelbagai budaya dan agama. Contoh di atas menunjukkan bahawa penganut yang berbeza agama berkongsi pemikiran, adab dan tingkah laku, kaedah interaksi dan respons terhadap peristiwa yang berlaku. Justeru, setiap penganut perlu mempunyai empati diri bagi menghilangkan kesangsian orang lain kerana dialog kehidupan merupakan satu bentuk perkongsian yang memberi manfaat yang bersama.

1.2 Kepentingan Dialog Perkongsian Aktiviti Di Malaysia

Dalam konteks negara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik dan agama, isu-isu yang berkaitan kehidupan seharian boleh mengundang kepada bentuk-bentuk ancaman keharmonian hidup (Sulaiman, 2005). Kepelbagaian etnik kadang kala menjadi penghalang atau pemisah kepada proses integrasi sekiranya ia tidak diuruskan secara sempurna. Masalah perkauman meliputi persoalan bahasa, agama, bangsa dan keturunan. Pelbagai siri konflik perkauman telah berlaku selepas Perang Dunia Ke-Dua di Malaysia seperti di Batu Pahat (1945/46), Batu Malim, Raub (1946), Batu Kikir (1946), Pulau Pinang (Januari 1958), Pulau Pangkor (May 1959), Bukit Mertajam (1967) Kuala Lumpur (May 1969), Kampung Rawa, Pulau Pinang (1998) dan Kampung Medan, Kuala Lumpur (2001). Syed Husin Ali (2008) menjelaskan bahawa konflik ini berlaku ekoran wujudnya perbezaan nilai antara kelompok etnik. Insiden kampung Medan, 2001 (Sulaiman, 2005), demonstrasi kepala lembu di Shah Alam pada 2009, pembuangan kepala khinzir di masjid Al-Falah, Johor Bahru pada 2012, isu pembakaran Gereja Katolik Metro Tabernacle di Desa Melawati pada 2010 dan surau disimbah cat merah di Seremban pada 2010 merupakan isu-isu seharian dalam agama yang dipandang ringan yang akhirnya mengakibatkan konflik antara masyarakat. Justeru itu, Dawi (2010) menyatakan bahawa cabar mencabar dalam agama bukan sahaja melalui hujahan awam dan di mahkamah malahan juga ditonjolkan dalam aktiviti perkauman jalanan seperti peristiwa pelontaran anggota babi di masjid, perarakan kepala lembu serta pembakaran gereja dan surau. Salah satu faktor berlakunya konflik ini adalah disebabkan kurangnya kefahaman dan pengetahuan tentang budaya dan agama masyarakat lain. Dengan menyedari betapa berharganya nilai keamanan dan keharmonian ini, setiap anggota masyarakat perlu memainkan peranan bagi mewujudkan sikap saling memahami dan bekerjasama antara satu

sama lain. Hal ini selari dengan tulisan Chew (2008) yang menyatakan bahawa interaksi masyarakat yang pelbagai kaum dalam pendidikan dapat membantu memupuk persefahaman kaum khususnya melalui penglibatan aktiviti bersama. Oleh itu, dialog kehidupan dilihat sebagai satu wahana bagi memupuk dengan lebih mendalam sikap saling memahami dan menghormati antara masyarakat yang pelbagai latar belakang agama dan budaya melalui penglibatan aktiviti secara bersama misalnya sambutan perayaan, pengalaman tinggal bersama, gotong-royong, meraikan kematian, perkahwinan, kunjungan ziarah dengan berteraskan kepercayaan masing-masing.

1.3 Sorotan Kajian Literatur Dialog Agama

Kajian tentang dialog agama oleh sarjana luar dan tempatan sebagai tema memberi penekanan kepada aspek-aspek yang lebih khusus. Antaranya ia membicarakan tentang aspek-aspek berikut:-

1.3.1 Dialog Keharmonian Islam Dan Kristian

Beberapa kajian yang membicarakan hubungan dan cabaran yang berlaku antara masyarakat Islam dan Kristian misalnya kajian Swidler (1992) yang menjelaskan bahawa faktor hubungan yang berlaku antara Muslim dan Barat adalah kerana kepentingan sosio-ekonomi dan politik manakala bagi masyarakat Kristian, khususnya yang bermazhab Katolik lebih melihat hubungan perlu dilakukan melalui pendekatan dialog. Al-Faruqi (2008) dalam buku beliau, *Islam Dan Kepercayaan Lain* (Terjemahan) menjelaskan secara terperinci hubungan dan pengalaman dialog antara Islam dan Kristian. Ismail Al-Faruqi merupakan tokoh Islam moden yang mengetengahkan model dan dasar-dasar asas disiplin dialog agama mengikut acuan Islam. Seyyed Hossein Nasr (2000) pula dalam tulisannya *Islamic-Christian Dialogue: Problems And Obstacles To Be Pondered And Overcome*, menjelaskan empat cabaran yang wujud dalam dialog Islam dan Kristian iaitu isu yang berkaitan teologi, kebebasan beragama, aktiviti penyebaran agama dan; isu modernism dan sekularism. Goddard (2001) menjelaskan tentang hubungan Islam dan Kristian pada masa lepas dan semasa manakala dialog dilihat sebagai satu pendekatan yang boleh mewujudkan keharmonian dalam masyarakat. Keely (2006) pula menjelaskan bahawa penglibatan golongan politik dan masyarakat dalam dialog boleh membantu menggalakkan dialog antara masyarakat Kristian dan Islam. Berdasarkan kajian-kajian di atas, kajian dialog antara Islam dan Kristian telah mendapat perhatian dalam kalangan sarjana Islam dan Kristian bagi memupuk kesefahaman dan keharmonian antara kelompok yang pelbagai kepercayaan dan budaya. Namun begitu kajian yang dilakukan di atas merupakan kajian dialog agama yang berlangsung dalam bentuk yang formal khususnya apabila ia hanya melibatkan ahli politik dan pemimpin-pemimpin masyarakat.

1.3.2 Kepentingan Dialog Agama Sebagai Wasilah Keharmonian Hidup

Selain daripada itu juga terdapat kajian-kajian yang melihat dialog agama sebagai satu mekanisme memupuk keharmonian dalam masyarakat yang pelbagai anutan agama misalnya kajian yang dilakukan oleh Nadira dan Jane (2001) yang menjelaskan bahawa pengalaman agama yang berlaku dalam konteks hubungan agama tidak banyak didokumenkan walhal dialog antara agama mendapat perhatian dalam kalangan sarjana dan masyarakat yang cintakan kedamaian. Smith (2007) dalam tulisannya *Muslims, Christians and the Challenge of Interfaith Dialogue* mendapati hubungan antara agama berlaku dalam bentuk pengaruh, kerjasama dan konflik. Pengamatan juga dibuat terhadap kajian yang dilakukan di dalam

negara yang berkaitan tentang dialog. Dalam hal ini beberapa tokoh sarjana menjelaskan konsep umum tentang peranan dialog di Malaysia seperti tulisan Swidler (2003) menjelaskan tentang prinsip asas yang perlu ada dalam pelaksanaan dialog. Baharuddin (2005) mencadangkan perlunya memahami dialog dalam berhadapan masalah antarabangsa dan dalam negara. Kajian yang dilakukan oleh para sarjana Malaysia sebagaimana buku yang disunting oleh Baharuddin (2008) *Dialog Peradaban: Peranan dan Kepentingannya*, menjelaskan secara terperinci kepentingan dialog dalam masyarakat berbilang kaum dan agama. Perbincangan menjurus kepada peranan dialog peradaban dalam membentuk kefahaman, kepentingan toleransi, peranan media dan bahasa Melayu sebagai wahana pengukuhan perpaduan. Selain daripada itu, tulisan Hassan (2005) dan Sulaiman (2005) menjelaskan bahawa perlunya dialog bagi menangani isu-isu yang berlaku dalam kalangan umat Islam khususnya setelah berlakunya peristiwa 11 September, manakala globalisasi telah membawa gaya hidup yang asing yang kadangkala dilihat tidak sesuai dengan budaya Timur dan Islam. Justeru itu dialog antara agama seharusnya menjadi benteng yang praktikal dalam mendepani cabaran yang dibawa oleh arus globalisasi.

Secara umumnya, kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji di atas menjelaskan tentang kepentingan dialog dalam dunia semasa sama ada pada peringkat lokal ataupun global. Dialog dilihat sebagai satu disiplin ilmu yang mampu meredakan salah faham dan perselisihan yang berpunca dari pegangan dan kepercayaan yang beraneka. Justeru dalam konteks hubungan yang lebih luas, para pengkaji di atas cuba melihat aspek yang boleh diketengahkan dalam peradaban yang berbeza melalui pendekatan dialog. Pengalaman di Malaysia yang terdiri dari pelbagai bangsa, budaya dan kepercayaan menuntut agar interaksi antara kaum dan agama perlu dilakukan melalui pendekatan dialog. Walaupun kajian yang menyentuh dialog ini telah mendapat perhatian dalam kalangan sarjana di Malaysia, masih didapati aspek-aspek hubungan seharian antara kaum yang masih kurang dititikberatkan.

1.3.3 Konsep Dialog Agama Dari Perspektif Islam

Selain daripada itu, penulis mendapati beberapa kajian konseptual yang menghubungkan Islam dengan dialog. Antaranya tulisan para sarjana Islam yang disunting oleh Baharuddin (2005). Buku ini membincangkan tentang idealisme, respons, praktis dan relevannya dialog peradaban pada hari ini berdasarkan pendekatan Islam. Tulisan Muhammad Uthman El-Muhammady (2005), Hashim Musa (2005), dan Rahim (2005), mencadangkan asas-asas dialog sebagaimana yang telah digariskan oleh Rasulullah seperti penyampaian secara hikmah, berhemah dan hujah yang terbaik yang memerlukan kekuatan jihad material dan intelektual. Ramli Awang (2008) menjelaskan tentang konsep dialog menurut al-Quran, budaya dan contoh dialog yang dilakukan oleh Rasulullah serta dialog al-Quran terhadap agama selain Islam, manakala Muhammad Sayyid Tantawi (2008) menjelaskan tentang etika dan prinsip yang diketengahkan dengan berpandukan kepada ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. Kajian di atas menunjukkan bahawa beberapa orang sarjana cuba mengetengahkan teori-teori pendekatan dialog mengikut acuan Islam, walau bagaimanapun perbincangan masih tertumpu terhadap teori-teori asas dalam dialog dengan disesuaikan mengikut kaca mata Islam. Oleh kerana disiplin ilmu ini masih dianggap belum matang di Malaysia, maka melalui penelitian penulis, kajian tentang dialog keagamaan di Malaysia masih pada peringkat awal yang memerlukan tempoh untuk berdiri dengan sendiri. Hal ini disokong dengan kenyataan Baharuddin (2005) yang menyatakan bahawa ilmu tentang dialog merupakan suatu ilmu yang baru di Timur, manakala di Malaysia pendedahan secara ilmiah

perlu berlaku agar penilaian yang tepat dapat meneruskan kelangsungan dengan realistik dan muhibah. Pendedahan pelbagai kaum dan agama telah lama berlaku di Malaysia seharusnya perlu dihargai dan diperkukuhkan.

Oleh kerana penerokaan tentang ilmu tentang dialog masih baru di Malaysia, kebanyakan pengkaji membicarakan tentang konsep-konsep umum yang menyentuh tentang peranan dan kepentingan. Walaupun Malaysia dilihat sebagai sebuah negara yang mempunyai pengalaman yang cukup lama berhadapan dengan isu-isu pasang surut yang berkaitan perkauman, mengapakah pada masa sekarang konsep-konsep umum tentang dialog baru dibicarakan sedangkan ilmu ini telah berkembang sekian lama di Barat? Sewajarnya ilmu ini telah lama mendapat perhatian dalam kalangan para sarjana Malaysia sebagai satu mekanisme baru dalam memupuk keharmonian kaum. Kajian-kajian di atas juga hanya membicarakan tentang peranan dan kepentingan dialog yang berlaku pada peringkat yang formal manakala dialog peringkat masyarakat awam (tidak formal) tidak diberi perhatian. Walhal, bagi memastikan keharmonian kaum berterusan, kajian-kajian yang berkaitan mengenai dialog perlulah diperkukuh pada semua peringkat akar umbi yang melibatkan semua kelompok masyarakat di Malaysia.

Analisa tulisan Hambali dan Karim (2005) dan kajian Faudzinaim Badaruddin (2005) memaparkan dialog sebagai wadah memupuk perpaduan melalui kaedah interaksi. Dapatan kajian menjelaskan bahawa Islam merupakan pelopor kepada dialog peradaban dengan menggunakan istilah *hiwar* dan *jidal* dalam bahasa Arab, manakala pelaksanaan ilmu dialog dalam disiplin perbandingan agama perlu dilihat dalam konteks ciri-ciri falsafah keagamaan, bukannya simbol keagamaan. Dapatan Faudzinaim menjelaskan bahawa contoh-contoh yang berlaku dalam tamadun Islam menjadi indikasi bahawa interaksi antara peradaban yang berbeza tidak seharusnya berlaku dalam suasana yang negatif. Interaksi yang baik dalam dialog boleh memberi faedah dan sumbangan yang cukup tidak ternilai kepada kehidupan manusia sejagat. Meskipun kedua-dua kajian ini menjelaskan tentang kepentingan interaksi namun kajian yang dijelaskan masih lagi bersifat konseptual. Kajian-kajian tersebut tidak memperincikan peranan hubungan dan interaksi seharian yang berlangsung dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

1.3.4 Tahap Kefahaman Terhadap Kepentingan Dialog

Apabila diteliti dari aspek tahap kefahaman, pengkaji mendapati beberapa kajian memberi tumpuan kepada aspek ini, misalnya kajian yang dilakukan oleh Suratman, Ripin, Awang, Ahmad, dan Haron (2007). Hasil kajiannya mendapati bahawa tahap kefahaman dialog peradaban dalam kalangan pelajar tahun 3 adalah sederhana, namun dalam nilai prihatin dan sikap toleran adalah tinggi. Kajian Azmi Shah dan Azrinah (2009) menjelaskan bahawa responden masih kurang terlibat dalam penganjuran dialog antara agama, manakala Wan Yon, Khambali@Hambali, Wan Abdul Latip, Wan Hassan, dan Hasan (2011) mendapati bahawa walaupun tahap kefahaman terhadap dialog tidak mendalam, namun penglibatan mereka dalam dialog seharian telah berlaku antaranya merangkumi kesediaan untuk berbincang isu-isu agama dengan kelompok yang berlainan agama, perasaan mereka tinggal bersama-sama dengan keluarga bukan Islam, menghadiri majlis perkahwinan yang dianjurkan oleh kelompok yang berbeza agama, pergaulan dengan bukan Islam dan sebagainya. Kajian kuantitatif di atas masih lagi berlegar mengenai pemahaman terhadap konsep-konsep asas dalam dialog manakala kajian yang dilakukan oleh Wan Yon et al. (2011) hanya memberi

tumpuan dialog kehidupan yang berlaku antara masyarakat peribumi Islam dan Kristian di daerah Tepedu, Sarawak.

1.3.5 Bentuk-Bentuk Dialog Agama

Memasuki sorotan seterusnya, pengkaji mengamati tesis-tesis yang telah dilakukan di universiti tempatan yang berkaitan dengan dialog. Antaranya tesis yang memberi fokus kajian tentang perlunya dilakukan dialog dalam kehidupan semasa masyarakat Islam, Kristian dan Barat seperti tesis yang dilakukan oleh Mohd Shauki Abd Majid (2001). Mohd Shauki Abd Majid menengahkan pemikiran Alwi Shihab dalam perkara yang menyentuh tentang toleransi dan pluralisme sebagai landasan dialog, pentafsiran baru kitab suci, tragedi Damsyiq dan insiden Situbondo, radikal agama dalam politik, dakwah dalam kalangan masyarakat majmuk, titik pertemuan antara Islam dan Kristian, masa depan hubungan Kristian dan Islam dan metodologi arus membendung Kristianisasi. Kajian perpustakaan Mohd Shauki melihat dialog dari aspek peradaban dalam konteks hubungan yang berlaku antara masyarakat Islam-Kristian di Indonesia. Kajian yang dilakukan oleh Nadia Dastgill (2007) menjelaskan bahawa keamanan antara Islam dan Barat akan dicapai dengan mengaktifkan dialog peradaban. Manakala antara halangan yang wujud dalam merealisasikan dialog di antara dua kelompok ini ialah wujudnya kumpulan minoriti yang berpengaruh, timbulnya teori kerukunan (sebagai contoh timbul andaian bahawa dialog antara peradaban atau agama bercanggah dengan nilai agama) kurangnya ilmu tentang Islam yang menyebabkan berlakunya salah tafsir Barat terhadap Islam, *tabo* (takut murtad dan menipiskan iman) perasaan bimbang, malu, halangan politik, anggapan mengunjungi pusat agama akan membawa sial, prejudis dan tidak selesa dengan rakan dialog. Dapatan kajian Badrul Hisham Ithnin (2004) dalam tesisnya *Potensi Dan halangan Dalam Dialog Peradaban : Satu Kajian Tentang Hubungan Semasa Islam Dan Barat* menjelaskan bahawa antara punca konflik tersebut ialah persepsi buruk terhadap Islam, jenayah akademik Barat terhadap Islam dan masalah yang berlaku di Dunia Islam khususnya di Palestin dan Afghanistan yang menimbulkan kemarahan umat Islam. Manakala antara halangan yang berlaku dalam melaksanakan hubungan ini ialah wujudnya kumpulan minoriti yang berpengaruh, lahirnya teori kerukunan beragama (singkristeme dan kepuraan dalam agama), gangguan kuasa hegemoni tunggal, kurangnya ilmu tentang Islam dan *taboo* untuk melaksanakan dialog. Beberapa cadangan yang diberikan sebagai penambahbaikan dialog peradaban antara Islam, Kristian dan Barat, antaranya melakukan reformasi kepimpinan dan struktur PBB, memperkukuh amalan demokrasi dan khilafah Islamiah, kembali kepada kemurnian ajaran agama dan nilai tradisi, meningkatkan kecelikan untuk hidup harmoni, memperbetulkan asas pendidikan (contohnya cintakan perdamaian dan kehalusan jiwa); dan mewujudkan lebih banyak pengajian perbandingan agama, budaya dan tamadun. Tesis yang dilakukan oleh Dastgill dan Badrul Hisham yang memberi penekanan kepada metodologi kajian perpustakaan ini memberi tumpuan hubungan dialog pada peringkat yang lebih luas yang melibatkan masyarakat antarabangsa manakala tumpuan kajian menjelaskan kepentingan kesedaran peradaban dalam konteks hubungan semasa antara Islam, Kristian dan Barat.

Selain daripada itu terdapat sarjana yang memberi fokus terhadap dialog antara agama misalnya kajian yang dilakukan oleh Khairulnizam Mat Karim (2005) yang membahaskan dialog agama yang dianjurkan oleh badan-badan NGO dan Pusat Dialog Peradaban. Tesis PhD yang dilakukan oleh Fatmir Mehdi Shehu (2007) melihat kandungan *Nostra Aetate* dari perspektif Islam. Dapatan kajian perpustakaan beliau ini menunjukkan bahawa dialog agama

dalam Islam perlu dibina di atas hubungan yang mesra bagi menggalakkan penghormatan, kerjasama dan perpaduan dalam masyarakat pelbagai etnik dan agama di Malaysia. Oleh itu dapat dijelaskan bahawa meskipun terdapat beberapa tesis yang membicarakan tentang aspek dialog, jelasnya kesemua tesis yang dinyatakan di atas hanya membicarakan peranan dialog yang bersifat formal khususnya berlaku dalam kalangan pemimpin agamawan.

1.3.6 Dialog Perkongsian Aktiviti Berlatar Belakang Golongan Awam Agama

Dalam konteks penulisan dialog agama yang lebih khusus, tesis Suraya Sintang (2010) membicarakan aspek dialog yang bersifat informal dengan memberi fokus yang khusus terhadap interaksi yang berkaitan dalam kehidupan seharian golongan saudara baru di Sabah. Dapatan menunjukkan bahawa proses akulturasi, akomodasi dan asimilasi yang agak mudah berlaku dalam kalangan etnik Sabah menyumbangkan kepada penglibatan masyarakat pelbagai etnik ini agak tinggi dalam dialog kehidupan. Ini dijelaskan dalam tulisannya yang lain seperti berikut :-

“wujud unsur-unsur persamaan pokok dalam kalangan kepelbagaian etnik di Sabah seperti bertutur dalam bahasa Melayu dialek Sabah, berkongsi budaya tempatan, berurusan niaga di pasar tamu, fenomena kahwin campur, pergaulan yang luas dan berkongsi masalah, menjadikan masyarakat Sabah mudah berkompromi dan bersikap akomodatif terhadap perbezaan yang wujud dalam kalangan mereka meskipun menganut agama yang berbeza. Penonjolan sikap penerimaan dan keterbukaan begitu ketara sehingga perbezaan agama tidak menjadi tembok pemisah yang menghalang interaksi antara mereka. Penulis menjelaskan bahawa segala perbezaan diterima dengan berlapang dada dan situasi ini menyumbang kepada tercetusnya dialog kehidupan dalam masyarakat berbeza agama bilamana amalan berinteraksi menjadi satu budaya dalam pergaulan seharian sehingga terbina pola hubungan sosial yang merapatkan hubungan kemesraan antara etnik.”

(Suraya Sintang, Baharuddin, & Khambali, 2009)

Malahan, tesis Suraya Sintang yang menggunakan kaedah kualitatif dan pengalaman turut serta ini merupakan satu-satunya kajian pendidikan tinggi di Malaysia yang menetengahkan tema dialog kehidupan sebagai platform dialog yang berlaku dalam masyarakat awam. Apa pun kajian beliau ini hanya menumpukan kepada dialog kehidupan yang berlaku dalam masyarakat Sabah yang amat unik dan berbeza suasana dengan Semenanjung. Kajian mendapati bahawa situasi di Sabah dengan Semenanjung mempunyai banyak perbezaan khususnya dalam aspek latar belakang kehidupan masyarakat, pendidikan, kebudayaan dan agama yang menjadi faktor menentukan dapatan kajian.

Hakikatnya, penggunaan istilah dialog kehidupan atau *dialogues of life* tidak banyak dibicarakan oleh para pengkaji dalam kajian yang dilakukan. Antara pengkaji yang menetengahkan isu ini ialah Carten (2002) yang mendapati masyarakat Jepun yang beragama Shinto dan Buddha agak mudah memberi pertolongan kepada masyarakat Kristian dalam persiapan menyambut perayaan Krismas. Kajian observasi beliau ini menjelaskan bahawa sikap keterbukaan orang Jepun menjadi salah satu faktor penglibatan mereka dalam dialog kehidupan seharian yang sangat tinggi. Samwini (2010) menjelaskan bahawa penglibatan masyarakat pelbagai agama di Gambia dalam dialog kehidupan seharian adalah

begitu tinggi. Masyarakat pelbagai etnik meraikan sambutan perayaan bersama, menziarahi jiran tetangga yang berlainan agama, meraikan sambutan hari kelahiran bayi dan merasai kesedihan apabila berlakunya kematian. Wan Yon et al. (2011) mendapati bahawa tahap penglibatan masyarakat Kristian dan Islam di Tebedu, Sarawak cukup tinggi walaupun mereka kurang memahami konsep dialog kehidupan. Kajian di atas menjelaskan bahawa penglibatan sarjana dalam penyelidikan tentang dialog kehidupan seharian masih kurang. Manakala kajian yang dilakukan di Malaysia agak baru yang hanya memberi tumpuan kepada kelompok-kelompok atau lokasi-lokasi yang tertentu sahaja. Hal ini disebabkan kurangnya kesedaran dalam kalangan masyarakat menjadikan dialog sebagai satu mekanisme yang perlu diketengahkan dalam kehidupan seharian. Perkara ini disokong dengan kenyataan Khairulnizam Mat Karim (2005) dalam rumusan tesisnya yang menyatakan bahawa penglibatan organisasi Islam dan masyarakat Muslim dalam dialog di Malaysia masih berada dalam tahap yang rendah.

2. KESIMPULAN

Bertitik tolak fenomena kerencaman agama dan kewujudan masyarakat pluralistik membuka ruang dialog antara agama berkembang sebagai mekanisme disiplin ilmu yang tersendiri. Sikap melihat agama sendiri sebagai satu yang begitu eksklusif di samping jahil memahami budaya dan kepercayaan orang lain akan mendedahkan kehidupan kepada pelbagai bentuk konflik. Kadangkala konflik yang berlaku berpunca daripada salah faham terhadap isu-isu agama yang berlegar dalam lingkungan kehidupan seharian. Perihal ini juga berlaku di negara kita yang memaparkan pelbagai bentuk siri insiden perkauman yang berpunca kepada kurangnya pemahaman agama dan budaya masyarakat lain. Justeru, kajian terhadap kepentingan dialog agama khususnya dialog yang berlaku dalam masyarakat awam mampu memberi kefahaman, memupuk sikap hormat menghormati dan sikap toleransi antara satu sama lain secara lebih terbuka dan makmur. Natijahnya, masyarakat yang beraneka kepercayaan mampu hidup aman dan harmoni tanpa dibelenggu sebarang bentuk prasangka dan permusuhan.

RUJUKAN

- Abedin, S. Z. (2000). Kaum beriman dan peningkatan saling percaya. Dalam Munawar Ahmad Anees, Syed Z. Abedin, & Ziauddin Sardar (Eds). *Dialog Muslim-Kristen dulu sekarang dan esok* (hlm. 45-67). Yogyakarta: Pustaka Qalam.
- Al-Faruqi, I. R. (2008). *Islam Dan Kepercayaan Lain* (Zulkiple Abd Ghani, penterj.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara. (Tulisan Asal diterbitkan pada 1998).
- Azmi Shah, & Azrinah. (2009). *Persepsi pelajar terhadap dialog antara agama: Kajian dalam kalangan pelajar tahun 4, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Skudai: UTM.
- Badrul Hisham Ithnin. (2004). *Potensi dan halangan dalam dialog peradaban : Satu kajian tentang hubungan semasa Islam dan barat*. (Disertasi MA tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Baharuddin, A. (2005). Dialog peradaban: Perspektif global dan lokal. Dalam Azizan Baharuddin (Ed.), *Dialog peradaban: Peranan dan kepentingannya di Malaysia* (hlm. 16-20). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Baharuddin, A. (2008). Peranan dialog peradaban di dalam wacana tamadun Malaysia. *Jurnal Peradaban – Jurnal Rasmi Pusat Dialog Peradaban*, 1, 1-20.
- Berahir@Ibrahim, A. Z. (2007). Hubungan agama dan dialog peradaban dalam sejarah tamadun Islam era Khalifah Umayyah di Andalus (Sepanyol): Suatu huraian terhadap sumbangan Ibn Hazm al-Andalusi. Dalam Wan Suhaimi Wan Abdullah, & Mohd Fauzi Hamat (Eds.), *Konsep asas Islam dan hubungan antara agama* (hlm. 209-267). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Carten, J. (2002, Sept). Dialogue of life encountering Buddhism and Shintoism in Japan. *Scarboro Missions*, 1-4.
- Chew, F. P. (2008). *Budaya & masyarakat berbilang kaum di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Dawi, A. H. (2010, Nov). Kepentingan Identiti dan Perjuangan Etnik dalam Masyarakat Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Minoriti dan Majoriti: Bahasa, Budaya dan Identiti*, 23-24 November 2010, Kuching, Sarawak.
- Fatmir Mehdi Shehu. (2007). *Nostra aetate and inter religion dialogue; An Islamic perspective*. (Tesis PhD tidak diterbitkan). IIUM, Gombak.
- Faudzinaim Badaruddin. (2005). Dialog peradaban dari perspektif tamadun Islam. Dalam Azizan Baharuddin (Ed.), *Islam dan dialog peradaban satu perspektif* (hlm 123-138). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Forward, M. (2001). *Inter-religious dialogue: A short introduction*. Oneworld: England.
- Goddard, H. (2001). *A history of Christian-Muslims relations*. Edinburg: Edinburgh University Press.
- Hambali, K. M., & Karim, K. N. M. (2005). Interaksi dan dialog agama (dialog peradaban). Dalam Azizan Baharuddin (Ed.), *Islam dan dialog peradaban: Satu perspektif, satu paparan* (hlm. 91-121). Kuala Lumpur, KL: Universiti Malaya.
- Hashim Musa. (2005). Islam dan dialog antara peradaban: Konsep dan idealisme. Dalam Azizan Baharuddin (Ed.), *Islam dan dialog peradaban satu perspektif* (hlm. 13-25). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hassan, A. A. (2005). Dialog peradaban: Praktik dan kerelevanannya hari ini. Dalam Azizan Baharuddin (Ed.), *Islam dan dialog peradaban satu perspektif* (hlm.65-75). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hensman, J. M. (1999). The dialogue of life as the locus of non-verbal interreligious dialogue. *East Asian Pastoral Review 1999, Volume 36 (1999) No. 3*. Retrieved 2, April, 2011

- from <http://eapi.admu.edu.ph/content/dialogue-life-locus-non-verbal-interreligious-dialogue>
- Hunt, R. (2009). Can Muslim engage in interreligious dialogue? A study of Malay Muslim identity in contemporary Malaysia. *The Muslim World*, 99(4), 581–607.
- Ibnu Manzur. (2003). *Lisan al-^cArab*. Beirut : Dar al-Sadr.
- Kamus Dewan*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Keely, A. A. (2006). Beginning Christian-Muslim dialogue in Western Sydney: Context and Practise. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 17(4), 471-482.
- Khairulnizam Mat Karim. (2005). *Realiti aplikasi dialog agama di Malaysia: Kajian terhadap Interfaith Spiritual Fellowship (INSaF) dan pusat dialog peradaban*. (Disertasi MA tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Shauki Abd Majid. (2001). *Kepentingan dialog peradaban Islam-Kristian: Satu kajian berdasarkan pemikiran Alwi Shihab*. (Disertasi MA tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Nur Manuty. (1997. Sept. 17). Inter-civilization dialogue at the community level: The case of Malaysia society. *Seminar Civilisational Dialogue Present Realities, Future Possibilities*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Sayyid Tantawi (2008). *Adab dialog dalam Islam* (Mohd Nor Mamat, penterj.). Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara.
- Muhammad Uthman El-Muhamady. (2005). Idealisme dan respons Islam terhadap dialog peradaban. Dalam Azizan Baharuddin (Ed.), *Islam dan dialog peradaban satu perspektif* (hlm. 3-11). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nadia Dastgill. (2007). *Keamanan dalam dialog peradaban: Satu kajian tentang hubungan semasa Islam dengan barat*. (Disertasi MA tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nadira, K. C., & Jane, W. W. (2001). Interpreting the experiences of Christians, Muslims, and Jews engaged in interreligious dialogue: A collaborative research study in *Religious Education*, 96(3), 351-368.
- Pratt, D. (2010). Interreligious dialogue: Ecumenical engagement.interfaith action. In Kath, E., Marian D. S., Gloria D., & Liam G., *International handbooks of religion and education* (pp. 103-122). Springer: Netherlands.
- Rahim, R. A. A. (2005). Islam dan dialog peradaban: Konsep dan idealisme. Dalam Azizan Baharuddin (Ed.), *Islam dan dialog peradaban satu perspektif* (hlm 27-44). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ramli Awang. (2008). *Dialog antara agama dari perspektif Al-Quran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Samwini, N. I. (2010). The need for and importance of dialogue of life in community building: the case of selected West African nations. *A forum for academic, social, and timely issues affecting religious communities around the world*. Retrieved 12 November 2011, from www.irdialogue.org/submissions
- Sequeira, O. (2007). *Interreligious Dialogue*. Retrieved 10, December 2011, from <http://www.anubhavworldocd.org/article17.html>.
- Seyyed Hossein Nasr (2000). Islamic-Christian dialogue: Problems and obstacles to be pondered and overcome. *Islam and Christian Relations Journal*, 11(2), 218-237.
- Sharan, M. F. (2008). *Muzakarah pendisiplinan dialog antara agama dan peradaban*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur.
- Smith, J. I. (2007). *Muslims, Christians and the challenge of interfaith dialogue*. London: Oxford University Press.
- Sulaiman, S. T. M. S. (2005). Dialog peradaban dan agama di Malaysia: Praktik dan kerelevannya hari ini. Dalam Azizan Baharuddin (Ed.), *Islam dan dialog peradaban satu perspektif* (hlm. 77-88). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Suratman, A. S., Ripin, M. N., Awang, R., Ahmad, S. M. S., & Haron, Z. (2007). *Tahap dialog peradaban: Kajian di kalangan pelajar tahun 3 Universiti Teknologi Malaysia*. Skudai: UTM.
- Suraya Sintang, Baharuddin, A., & Khambali, K. M. (2009). Hubungan antara agama di Sabah dari perspektif sejarah dan semasa. Dalam Ahmad Sunawari Long, Siddig Ahmad, Abdul Rahman Mahmood, Nur Farhana Abd Rahman, & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria (Eds.). *Issues & challenges of contemporary Islam and Muslims*. (hlm. 466-495). Bangi: UKM.
- Suraya Sintang. (2010). Dialog kehidupan dalam hubungan antara agama di Sabah: Kajian pengalaman saudara baru. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Swidler, L. (1992). *Muslims in dialogue: The evolution of a dialogue*. Lewiston: Edwin Mellen Press.
- Swidler, L. (2003). *Dialogue in Malaysia and the global scenario, monograph series centre for civilisational dialogue*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Syed Husin Ali (2008). *Ethnic relations in Malaysia harmony & conflict*. Petaling Jaya: Strategic Information & Research Development Centre.
- The Encyclopedia of Religion*. (1979). USA: Mac Milan.
- Times-Chambers Combined Dictionary Thesaurus*. (1996). Singapore: Federal Publication (s) Pte Ltd.

- Tyagananda, S. (2011). Doing dialogue interreligiously in dialog. *A Journal of Theology*, 50(3), 227-230.
- Wan Hassan, W. Z. (2005). Sadd al-Dharâ'i' dalam memelihara agama dan kaitannya dengan asas keharmonian hubungan etnik. *Jurnal Pengajian Umum*, 6, 95-108.
- Wan Yon, W. A., Khambali@Hambali, K. M., Wan Abdul Latip, W. N., Wan Hassan, S. Z., & Hasan, A. R. A. (2011). Bridging the Muslim – Christian relations through Dialogue of life: Muslim perspective. *2011 International Conference on Social Science and Humanity* (pp. 138-141). Singapore: IACSIT.